

18 JUN 1997

DR MAHATHIR LAWAT HUNGARY MULAI ISNIN

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melakukan lawatan kerja ke Hungary pada Isnin dan Selasa ini hasil jemputan rakan sejawatannya Gyula Horn.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, kedua-dua pemimpin itu dijadual mengadakan perbincangan mengenai kepentingan bersama serta isu antarabangsa.

Dr Mahathir akan diiringi isterinya Datin Seri Dr Hasmah Ali serta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding, Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Micheal Toyad, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Kerk Choo Ting dan beberapa ahli perniagaan.

Dalam lawatan Horn ke sini April lepas, kedua-dua negara menandatangani satu perjanjian kerjasama saintifik dan teknologi serta memorandum persefahaman mengenai kerjasama menggalakkan perdagangan.

Dr Mahathir dijadual menjelaskan mengenai Koridor Raya Multimedia kepada tokoh-tokoh perniagaan Hungary selain melawat kawasan perindustrian di Budapest.

Hungary yang mempunyai 10 juta penduduk kini mengamalkan ekonomi pasaran terbuka selepas sekian lama tertakluk kepada ekonomi terkawal. --

BERNAMA

RV MAI